

25 OGOS 2017

Pelajar warga Nigeria dalang sindiket edar dadah

Pelajar warga Nigeria dalang sindiket edar dadah

KUALA LUMPUR - Seorang pelajar kolej swasta warga Nigeria dipercayai menjadi dalang kepada aktiviti pengedaran dadah di sekitar ibu negara.

Bagaimanapun aktiviti sindiket tersebut yang dipercayai bergiat aktif hampir enam bulan itu berjaya ditumpaskan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (Sting) Bukit Aman dengan kerjasama Pentadbiran Penguatkuasaan Dadah (DEA).

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Kang Chez Chiang berkata, serbuan dijalankan kira-kira 7 malam

di sebuah apartmen di Seri Kembangan yang dihuni oleh pelajar berusia 36 tahun itu.

"Ketika serbuan suspek sendirian di kediamannya dan pemeriksaan menemui dadah disyaki jenis ganja seberat 24.5 kilogram dalam dua beg yang dianggarkan bernilai RM100,000," katanya pada sidang media di Bukit Aman, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati suspek pelajar jurusan pengurusan perniagaan di sebuah kolej di Cheras sejak Julai tahun ini.

"Siasatan awal mendapati pelajar ini mempunyai visa yang sah dan tidak menolak

kemungkinan bahawa dadah ini dibawa 'masuk' ke kolej terbabit, tetapi urusan jualan dibuat di luar kolej," katanya.

Susulan tangkapan itu, polis turut melakukan serbuan di Petaling Jaya sebelum menangkap dua lagi lelaki warga Nigeria dipercayai ahli sindiket yang juga merupakan pelajar kolej.

"Pada serbuan ketiga di Sungai Besi, polis menahan seorang wanita Uganda berusia 34 tahun, juga dipercayai mempunyai kaitan dengan sindiket dadah itu," katanya.

Kesemua suspek di-reman tujuh hari sehingga 28 Ogos ini.